



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2016/01/08(HQ)

### PROSPEK MENCABAR SELARAS DENGAN KETIDAKTENTUAN EKONOMI DUNIA

#### 3 bulan berakhir 30 November 2015 (Suku pertama TK2016)

- **16.5% penyusutan Keuntungan Selepas Cukai kepada RM1.96 bilion (Suku pertama TK2015 : RM2.35 bilion)**
- Kerugian Tukaran Wang Asing sebanyak RM58.5 juta (Suku pertama TK2015 : Keuntungan sebanyak RM45.9 juta)
- **3.2% penyusutan Pendapatan**
- **3.2% pertumbuhan permintaan unit elektrik di Semenanjung Malaysia**

*Kuala Lumpur, 28 Januari 2016 – Tenaga Nasional Berhad (TNB) hari ni mengumumkan penyusutan Keuntungan Selepas Cukai sebanyak 16.5% kepada RM1.96 bilion bagi Suku Pertama Tahun Kewangan berakhir 31 Ogos 2016 (TK2016), berbanding RM2.35 bilion yang direkodkan pada tempoh sama tahun lepas. Susulan kejatuhan nilai Ringgit pada Suku Pertama TK2016, Kumpulan turut merekodkan Kerugian Tukaran Wang Asing sebanyak RM58.5 juta bagi tempoh berkenaan berbanding Keuntungan Tukaran Wang Asing sebanyak RM45.9 juta yang direkodkan pada Suku Pertama TK2015.*

Kumpulan melaporkan jumlah pendapatan sebanyak RM10.68 bilion pada Suku Pertama TK2016 berbanding RM11.03 bilion yang direkodkan pada tempoh yang sama tahun lepas. Penurunan pendapatan sebanyak 3.2% ini adalah berikutan jumlah lebihan pemulihan Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) sebanyak RM681.8 juta yang diambil kira bagi Suku Pertama TK2016.

Lebihan pemulihan ICPT adalah penjimatan daripada kos penjanaan, terutamanya kesan daripada penurunan harga komoditi dunia. Penjimatan ini dipulangkan semula kepada pengguna dalam bentuk rebat tarif.

Pelaporan jumlah ICPT dalam penyata kewangan TNB telah dilaksanakan buat pertama kali pada Suku Ketiga TK2015 selepas semakan dan perbincangan terperinci di antara TNB dengan pihak-pihak berkaitan. Justeru, lebihan pemulihan ICPT tidak dicerminkan pada Suku Pertama TK2015 dan ini menyebabkan analisa tahun-ke-tahun bagi pendapatan menunjukkan perbezaan negatif. Bagi perbandingan yang lebih tepat, lebihan pemulihan ICPT telah diselaraskan bagi Suku Pertama TK2015. Impak Tukaran Wang Asing dan Elaun Pelaburan Semula (Reinvestment Allowance) turut diselaraskan bagi memberikan gambaran prestasi syarikat yang lebih baik seperti Jadual 1.

<b>Semenanjung (Gwh)</b>	<b>3-bulan</b>	
	<b>TK2016</b>	<b>TK2015</b>
Jualan Unit	26,846.2	26,024.7

<b>Kumpulan (RM'Juta)</b>	<b>3-bulan</b>	
	<b>TK2016</b>	<b>TK2015</b>
Keuntungan Selepas Cukai		2,351.0
Tukaran Wang Asing (Untung) / Rugi	1,962.2	(45.9)
Elaun Pelaburan Semula (Reinvestment Allowance)	58.5	(392.8)
Pelarasan ICPT	(388.0)	(365.0)
<b>Keuntungan Selepas Cukai Diselaraskan</b>	<b>1,632.7</b>	<b>1,547.3</b>

### **Jadual 1**

Hasilnya, Keuntungan Selepas Cukai Diselaraskan bagi tiga (3) bulan pertama berakhir 30 November 2015 mencatat peningkatan sebanyak 5.5 peratus pada RM1.63 bilion berbanding RM1.55 bilion yang direkodkan pada tempoh sama tahun kewangan lalu. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan permintaan unit elektrik yang stabil sebanyak 3.2 peratus di Semenanjung Malaysia.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd berkata; "Kami sedar akan cabaran dan risiko dalam ketidaktentuan ekonomi semasa. TNB sedikit sebanyak

bernasib baik apabila Sistem Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) dan ICPT dilaksanakan. IBR membolehkan TNB mendapat pulangan yang berpatutan supaya syarikat dapat beroperasi dengan efisien, manakala ICPT melindungi TNB daripada kesan turun naik kos penjanaan. Kami akan terus memantau kesan langsung pendedahan utama TNB kepada prospek pertumbuhan jangka sederhana dan panjang, serta kesan jangka panjang tukaran wang asing ke atas projek yang sedang dilaksanakan.”

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) pada 19 Januari 2016 telah mengkaji semula penurunan unjuran pertumbuhan global sebanyak 0.2 mata peratusan bagi tahun 2016 dan 2017, selepas mengambil kira kelembapan dan pengimbangan semula ekonomi China, penurunan harga minyak mentah dan lain-lain komoditi serta tekanan yang dihadapi oleh beberapa pasaran ekonomi besar baru. Pemulihan aktiviti global dijangkakan berlaku secara berperingkat terutamanya dalam pasaran baru dan negara-negara membangun.

Tambahan itu, Kerajaan Malaysia pada hari ini telah mengumumkan pengubahsuaian Bajet 2016 bagi memastikan perkembangan ekonomi Malaysia kekal pada sasaran, selaras dengan penurunan unjuran pertumbuhan KDNK bagi 2016 pada 4.0 – 4.5%.

Berdasarkan senario di atas dan ketidakstabilan nilai Ringgit, Lembaga Pengarah menyedari prospek mencabar bagi Kumpulan untuk tahun berakhir 31 Ogos 2016.

**Disiarkan di Kuala Lumpur pada 28 Januari 2016**

*Sila kemukakan sebarang pertanyaan kepada Md. Derus Bunchit (019-2662296) /  
Teng Yoon Soon (019-293 1228) / Maizatul Nadiah Saadon (017-3816602),  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

**\*Sila rujuk siaran akhbar Bahasa Inggeris untuk versi asal**

## SOROTAN KEPUTUSAN KEWANGAN

RM' Juta	<b>3-bulan berakhir 30 November</b>	
	<b>TK2016</b>	<b>TK2015</b>
<b>Jumlah Pendapatan</b>	10,676.8	11,027.1
<b>Perbelanjaan Operasi</b>	(8,418.4)	(8,419.2)
<b>Pendapatan Operasi Lain</b>	139.3	136.9
<b>Lebihan Operasi (EBIT)</b>	<u>2,397.7</u>	<u>2,744.8</u>
<b>Kos Kewangan</b>	(259.7)	(253.9)
<b>Keuntungan / (Kerugian) Tukaran Wang Asing</b>	(58.5)	45.9
<b>Keuntungan Bersih (sebelum Tukaran Wang Asing)</b>	2,034.5	2,306.0
<b>Keuntungan Bersih boleh diagihkan kepada Pemegang Saham</b>	1,976.0	2,351.9
<b>Pendapatan Sesaham</b>	35.01 sen	41.67 sen

### Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Aktiviti teras TNB merangkumi bidang penjanaan, penghantaran dan pembahagian tenaga elektrik. Selain syarikat penjana elektrik utama negara, TNB turut menghantar dan membahagikan elektrik ke seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Ogos 2015, TNB membekalkan elektrik kepada 8.9 juta pelanggan.

Melalui anak-anak syarikatnya, TNB turut terlibat dalam aktiviti pembuatan alat ubah, perkakas suis dan kabel bervoltan tinggi; perkhidmatan perundingan professional, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan kemudahan penyejukan daerah, peralatan penjanaan, pembaikan dan penyelenggaraan, perkhidmatan pembekalan bahan api; perkhidmatan berkenaan dengan tenaga diperbaharui, kecekapan tenaga dan kualiti kuasa; pengajian tinggi dan latihan kemahiran serta menjalankan kajian dan pembangunan (R&D).

Sebagai pembekal tenaga elektrik yang bersepadu, TNB telah dan akan meneruskan peranan pentingnya dalam menggerak kemajuan negara.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my)